



## **SIARAN MEDIA**

### **UDA DAN KELAB MESRA MASYARAKAT WANGSA MAJU RAIKAN POLIS DAN KOMUNITI DI WANGSA MAJU**

**Kuala Lumpur, 26 Mac** – Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan, UDA Holdings Berhad (UDA) telah mengambil langkah proaktif dalam melaksanakan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) UDA dengan melaksanakan beberapa program dengan kolaborasi Kelab Masyarakat Wangsa Maju (KMMWM) bertempat di Dewan Pusat Masyarakat, Taman Setapak Indah, Kuala Lumpur.

Program yang diadakan ini adalah bagi meraikan Hari Polis Malaysia dan pada masa yang sama juga bertujuan untuk mendekati komuniti Wangsa Maju dan sekitarnya. Pelbagai program yang telah direncanakan pada hari tersebut seperti aktiviti bergotong royong memperindah Dewan Pusat Masyarakat Taman Setapak Indah bagi keselesaan komuniti setempat dan sesi dialog serta program "Road Tour" di Kampung Bandar Dalam bersama penaung KMMWM iaitu YBhg Datuk Seri Dr Haji Mohd Shafei Abdullah merangkap Ketua UMNO Bahagian Wangsa Maju dan juga Pengurus UDA.

Bagi menghargai dan tanda sokongan UDA serta KMMWM kepada pihak polis yang banyak berjasa dalam memastikan keselamatan negara dan mengekang anasir-anasir yang tidak diingini terjadi, UDA juga telah berbesar hati untuk menyumbangkan 5 unit kerusi roda dan juga tongkat kepada pegawai polis yang telah bersara dan kurang upaya serta beberapa buah komputer kepada Balai Polis Wangsa Maju dan Balai Polis Setapak sebagai simbolik sokongan sempena sambutan Hari Polis Malaysia.

Pada masa yang sama juga, UDA dengan kerjasama Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) telah melancarkan pusat kelas tambahan Kelab Sokongan Ibu Bapa (KSIB) secara percuma di Dewan Komuniti tersebut. UDA juga telah menyumbangkan 3 buah

komputer bagi menjayakan program tersebut dan mencapai objektif penganjurannya.

Menurut Datuk Seri Dr Shafei Abdullah, "UDA komited dalam merangka beberapa perancangan strategik dan misi transformasi agar dapat menyediakan perkhidmatan bertaraf dunia menjelang tahun 2020 tanpa menyisihkan golongan yang memerlukan. Malah beberapa program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) telah dirangka dan dilaksanakan bagi memastikan keseimbangan di antara menjana keuntungan yang optimum dalam setiap projek yang dilaksanakan dan pada masa yang sama dapat berkongsi nikmat dengan golongan yang memerlukan."

Beliau juga menyifatkan program seumpama ini akan diteruskan dari masa ke semasa namun mungkin pendekatannya sahaja yang berbeza akan di ambil supaya impak dan matlamat yang dirangka dapat dicapai sepenuhnya.

Turut hadir sama memeriahkan lagi program ini adalah Pengurus MPPWPKL Sub Zon 8 Wangsa Maju, Ketua Balai Polis Wangsa Maju, Pengarah Urusan Kumpulan UDA serta wakil pengurusan UDA.

---

## TAMAT

---

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

### **MENGENAI UDA HOLDINGS BERHAD**

UDA Holdings Berhad (UDA), merupakan salah satu organisasi pembangunan harta tanah dan pengurusan aset yang mampu dan terkemuka di negara ini. Aktiviti utama syarikat termasuk pembangunan tanah, pengurusan harta dan fasiliti, kompleks beli-belah serta industri pelancongan. UDA telah bertapak kukuh dalam membentuk dan memodenkan Kuala Lumpur, Lembah Klang dan bandar-bandar utama lain di Malaysia sejak tahun 1971.

Untuk maklumat lanjut mengenai UDA, sila layari laman sesawang kami di

[www.uda.com.my](http://www.uda.com.my)

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

- |  |  |           |
|--|--|-----------|
| ▪ Zetty Aqtar Abd Latiff (Zetty)<br>6886 | <a href="mailto:zetty.aqtar@udanet.com">zetty.aqtar@udanet.com</a> | +6017 900 |
| ▪ Norazuana Abdullah (Wana)<br>9153      | <a href="mailto:norazuana@udanet.com">norazuana@udanet.com</a>     | +6019 223 |

Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan  
UDA Holdings Berhad  
Tingkat 6, Blok Menara, Kompleks Pertama,  
Jalan Tuanku Abdul Rahman,  
50100, Kuala Lumpur.

Tel : +603 2730 8500 | Fax : +603 2731 2855